

## **BAB DUA**

### **KERANGKA TEORETIKAL ANALISIS KONTRASTIF DAN ANALISIS KESILAPAN**

#### **2.0. PENDAHULUAN**

Kajian Analisis Kontrastif (AK) dan Analisis Kesilapan (AS) merupakan antara dua analisis penting yang sering dikaitkan dengan pemerolehan bahasa kedua atau bahasa asing. Kedua-dua kajian ini mengaitkan masalah di dalam pembelajaran bahasa dengan pengaruh bahasa pertama dan bahasa sasaran. Bab ini akan memberi huraian tentang kerangka teoretikal AK yang akan digunakan dalam kajian ini. Selain daripada menghuraikan kerangka teoretikal AK, huraian tentang AK terapan, AK teoretikal, kritikan terhadap AK, kerangka teoretikal AS dan kepentingan kedua-dua kajian juga akan dibuat di dalam bab ini.

#### **2.1. KERANGKA TEORETIKAL ANALISIS KONTRASTIF**

Wardhaugh (1983:7) membahagikan hipotesis AK kepada dua versi iaitu versi kuat dan versi lemah. AK dirujuk sebagai analisis kontrastif *à priori* atau AK versi kuat dan AS pula dikenali sebagai analisis kontrastif *à posteriori* atau AK versi lemah.

Kajian AK yang akan dijalankan ke atas sistem fonetik dan fonologi BM dan BP ini akan menerapkan kerangka teoretikal yang diasaskan oleh C.C. Fries (1945) dan dikembangkan oleh R. Lado (1957). Kajian AK ini dikaitkan secara jelas dengan bidang

pedagogi. Kajian AK merupakan kajian perbandingan aspek-aspek bahasa yang melibatkan dua bahasa atau lebih dan pengaruh persamaan dan perbezaan yang terdapat antaranya ke atas proses pembelajaran bahasa. Bidang ini telah mula dibincangkan oleh ahli-ahli bahasa behavioris yang percaya bahawa proses pembelajaran merupakan satu proses pembentukan kebiasaan perlakuan (*habit*) yakni apabila sesuatu perlakuan baru dipelajari, perlakuan yang telah lama diperolehi akan memberi kesan kepada proses pembelajaran tersebut (Johnson, 2001:59).

Kajian AK ini berasaskan kepada hipotesis bahawa pelajar bahasa kedua atau bahasa asing (L2) akan cenderung untuk memindahkan struktur bahasa pertama atau bahasa sumber (L1) ke dalam struktur L2. Pemindahan kebiasaan (*habit*) L1 yang berlaku ke atas L2 akan menyebabkan timbul masalah di dalam pembelajaran atau pemerolehan L2. Oleh yang demikian, perbandingan struktur dua bahasa yakni bahasa sumber dan bahasa sasaran disarankan dibuat bagi melihat apakah persamaan dan perbezaan yang terdapat antara kedua-dua bahasa dan seterusnya meramalkan struktur yang mungkin akan dipindahkan oleh pelajar ke dalam struktur L2 tersebut. Struktur yang berbeza antara kedua-dua bahasa diramalkan akan menjadi masalah kerana pelajar akan melakukan pemindahan negatif ke dalam struktur L2.

Beberapa definisi tentang AK telah dibuat, antaranya Fisiak (1980:1) yang mendefinisikan AK sebagai sub-disiplin linguistik yang menekankan tentang perbandingan antara dua atau lebih bahasa dengan tujuan untuk menentukan persamaan dan perbezaan yang wujud antara kedua-duanya. *Encyclopedic Dictionary of Applied Linguistics* (1999: 85) pula mendefinisikan AK sebagai “A *contrastive analysis describes the structural*

*differences and similarities of two or more languages.*” (AK menghuraikan perbezaan dan persamaan struktur dua bahasa atau lebih.)

Perbandingan yang dijalankan melibatkan perbandingan secara sistematik struktur-struktur bahasa yang dikaji seperti yang disarankan oleh Fries dalam bukunya *Teaching and Learning of English as a Foreign Language (1945)*:

*“The most efficient materials are those that are based upon a scientific description of the language to be learned, carefully compared with a parallel description of the native language of the learner.”*

(Bahan pengajaran yang paling berkesan untuk mengajar adalah bahan-bahan yang berpandukan kepada huraian secara saintifik bahasa yang akan dipelajari dibandingkan secara selari dengan huraian bahasa ibunda pelajar.)

( Fries,1945:9)

Huraian secara saintifik yang dimaksudkan oleh Fries adalah merupakan huraian secara sistematik yang dibuat terhadap struktur sesuatu sistem bahasa yang tertentu contohnya sistem bunyi, sistem morfologi atau sistem sintaksis bahasa pertama dan bahasa sasaran yang dikaji. Setelah dihuraikan secara satu persatu struktur-struktur tersebut, perbandingan secara selari kemudiannya dibuat bagi melihat apakah persamaan dan perbezaan yang terdapat di dalam struktur yang dipilih tersebut antara kedua-dua bahasa yang dibandingkan iaitu L1 dan L2.

Perbandingan yang dibuat dalam AK mengandaikan bahawa pengetahuan sesuatu sistem L1 yang telah dikuasai oleh pelajar apabila bertembung dengan pengetahuan

sistem L2 melalui proses pembelajaran, struktur yang sama akan memudahkan pembelajaran, manakal struktur yang berbeza akan menimbulkan kesulitan dan perlu diatasi (Spolsky 1998:117).

Perbandingan struktur bahasa tertentu yang dibuat antara dua bahasa dapat memberi gambaran kepada pihak yang terlibat dengan pengajaran L2 tentang apakah masalah yang mungkin dihadapi oleh pelajar di dalam pembelajaran bahasa L2 tersebut. Hasil perbandingan tersebut juga akan dapat memberi input kepada semua pihak yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran L2 di dalam menentukan bahan pengajaran dan kaedah pengajaran (Lado 1957, Nickel & Wagner, 1968, Hall 1968, Aarts & Wekker 1990, Brown 1992, Gass & Selinker 2008).

Nickel dan Wagner (1968:36) contohnya mengaitkan dapatan AK dengan pemilihan kaedah pengajaran ("*methodic programming*") dan bahan pengajaran ("*didactic programming*"). "*Methodic programming*" menentukan *bagaimana* sesuatu unit pengajaran tertentu perlu diajar yang membawa maksud bahawa pengetahuan tentang kesulitan sebenar bahasa sasaran berguna di dalam merangka dan menilai ujian kecekapan bahasa pelajar kerana punca utama masalah yang dihadapi oleh pelajar dikatakan datang daripada perbezaan yang terdapat antara kedua-dua bahasa. "*Didactic programming*" pula merujuk kepada *apa* yang perlu diajar dan dipelajari pada peringkat tertentu dan ianya ditentukan oleh keadaan psikologi pembelajaran. Perbezaan yang terdapat dalam sistem bahasa pertama dan bahasa sasaran menjadi punca pelbagai gangguan kepada pembelajaran. Oleh itu, semua punca gangguan ini perlu diberi perhatian dan pertimbangan di dalam memilih kaedah dan bahan pengajaran bahasa sasaran agar kesulitan dapat diatasi.

Seperti kebanyakan ahli linguistik lain yang melihat kepentingan AK dari sudut pedagogi, Brown (1992) juga turut berpendapat bahawa perbezaan yang timbul antara dua bahasa yang dibandingkan akan menjadi masalah besar yang akan dihadapi oleh pelajar apabila mempelajari sistem bahasa sasaran. Masalah yang wujud tersebut perlu diberi perhatian yang serius oleh guru bahasa dan penggubal sukatan pelajar seperti katanya :

*“ CA thus describes the systems of two languages, with the assumption that significant differences between systems will constitute major problems for the language learner, and should therefore be a major focus of attention for the language teacher and syllabus writer”.*

(AK menghuraikan sistem dua bahasa, dengan andaian bahawa perbezaan yang nyata antara sistem-sistem tersebut akan menyumbang kepada masalah-masalah besar kepada pelajar bahasa, dan oleh yang demikian harus menjadi perhatian utama kepada guru bahasa dan penulis sukatan pelajaran.)

(Brown, 1992: 9)


Kajian ini melihat kepentingan AK dalam bidang pedagogi iaitu menggunakan dapatan perbandingan sistem fonetik dan fonologi antara BM dan BP bagi tujuan untuk melihat masalah yang dihadapi oleh pelajar Melayu di dalam pembelajaran sistem bunyi BP dan seterusnya cuba mencari jalan bagi membantu mengatasi masalah yang mungkin dihadapi oleh pelajar. Oleh yang demikian secara jelas kajian ini menjurus kepada tujuan terapan dan bukannya untuk tujuan teoretikal.

### **2.1.1. Analisis Kontrastif Terapan dan Analisis Kontrastif Teoretikal**

Terdapat dua aliran pemikiran yang penting di dalam kajian AK iaitu aliran pemikiran sarjana Amerika dan aliran pemikiran sarjana Eropah. Sarjana-sarjana bahasa di Amerika menjalankan kajian AK lebih untuk tujuan terapan sebaliknya kajian AK oleh sarjana-sarjana bahasa di Eropah lebih menjurus untuk tujuan teoretikal.

AK terapan (*applied CA*) yang diasaskan oleh sarjana-sarjana bahasa di Amerika Syarikat melihat kepentingan AK dalam bidang pengajaran bahasa (Wilkins 1972, Politzer 1972). AK terapan mengkaji perbezaan yang terdapat antara dua bahasa, meramalkan masalah dan mencadangkan apa yang perlu diajar kepada pelajar. AK terapan menggunakan keputusan hasil perbandingan antara dua bahasa untuk tujuan tertentu seperti pengajaran bahasa, terjemahan, atau pun pendidikan bilingual (Sajavaara, 1983:177). Kajian AK terapan memberi lebih fokus kepada perbezaan yang terdapat antara dua bahasa yang dibandingkan manakala AK teoretikal memberi perhatian kepada kedua-dua aspek persamaan dan perbezaan.

James (1990:142) menunjukkan perbezaan antara AK terapan dan AK teoretikal melalui rajah di bawah yang dipetik dari pendapat Fisiak (1978 dalam James 1990:42). Menurut Fisiak, AK teoretikal tidak melihat bagaimana kategori tertentu yang hadir dalam bahasa A dijemakan dalam bahasa B sebaliknya melihat bentuk universal X dalam kedua bahasa A (L1) dan B(L2). Manakala AK terapan pula menurutnya lebih memberi tumpuan kepada bagaimana bentuk universal X yang hadir dalam bahasa A sebagai y dijemakan dalam bahasa B.



### **Rajah 2.1.1. AK Terapan dan AK Teoretikal**

AK teoretikal menjadi pegangan sarjana-sarjana bahasa di Eropah. AK teoretikal bertujuan untuk menyediakan model untuk membuat perbandingan silang-bahasa (*interlanguage*), melaporkan perbezaan dan persamaan yang terdapat antara bahasa-bahasa yang dibandingkan dan menentukan apakah elemen-elemen yang boleh dibandingkan. AK teoretikal ini tidak mengaitkan dapatan kajian dengan bidang pengajaran. Fisiak (1990) menegaskan bahawa perbezaan ini penting dibuat bagi menilai kesahihan dan kepentingan AK. Beliau berpendapat bahawa :

*“...the distinction between theoretical and applied contrastive analysis is fundamental for the assessment of the validity and usefulness of contrastive analysis.”*

(...perbezaan antara analisis kontrastif teoretikal dan analisis kontrastif terapan penting untuk penilaian tentang kesahihan dan kegunaan analisis kontrastif.)

Fisiak (1990:5)

AK untuk tujuan teoretikal mempunyai lima matlamat utama (Aarts dan Wekker: 1990). Pertama, nahu kontrasitif teoretikal perlu menyediakan jawapan kepada soalan “Apakah yang dibandingkan?” Kedua, tugasnya adalah menghuraikan apakah prinsip-prinsip yang menjadi dasar di dalam perbandingan dan juga cuba menjawab soalan “Bagaimana membuat perbandingan?”. Ketiga, nahu kontrasitif boleh digunakan untuk menguji kesahihan teori-teori linguistik dan keempat, nahu kontrasitif juga boleh memainkan peranan penting di dalam kajian pemerolehan bahasa kedua. Matlamat terakhir, nahu kontrasitif juga diharapkan akan dapat menyediakan jawapan kepada soalan-soalan yang berkaitan dengan tipologi bahasa.

Matlamat-matlamat kajian AK secara teoretikal hanya boleh dicapai melalui huraian yang dibuat mengikut kerangka teoretikal yang sama. Contohnya, jika huraian bahasa-bahasa yang dibandingkan dibuat mengikut kaedah struktural, maka perbandingan juga perlu dibuat mengikut kerangka yang sama, yakni kaedah struktural, bukan kaedah generatif atau sebagainya. Perbandingan yang menggunakan kerangka yang sama dapat memperlihatkan dengan jelas apakah peraturan bahasa yang sama dan berbeza antara kedua-dua bahasa.

Dalam kajian AK teoretikal, kaedah transformasi generatif yang diasaskan oleh Chomsky, ahli mentalis, dalam artikelnya *Aspect of the Theory of Syntax* (1965) mendapat tempat di kalangan ahli linguistik sealiran seperti Hockett (1968), Di Pietro (1968) dan Dirven (dalam Nehls 1979:79) dengan alasan bahawa kerangka ini bersesuaian digunakan dalam kajian AK untuk tujuan teoretikal. Mereka berpendapat bahawa kaedah struktural sahaja tidak berupaya membuat ramalan yang tepat mengenai masalah yang dihadapi di dalam mempelajari sesuatu bahasa kedua atau bahasa asing. Di Pietro berkata:



*“In this paper, we shall characterize as two distinct approaches to Contrastive Analysis (1) the structural one, which yields a taxonomy of form and (2) the generative one, which includes the distinction between a surface and deep level.”*

(Di dalam kertas kerja ini, kita harus menghuraikan sebagai dua pendekatan berbeza kepada Analisis Kontrastif (1) secara struktural, yang menghasilkan taksonomi bentuk dan (2) secara generatif, yang mana memasukkan perbezaan antara struktur luaran dan dalaman.)

(Di Pietro, 1968:66)

## **2.2. KRITIKAN TERHADAP ANALISIS KONTRASTIF**

Kajian AK, walaupun mempunyai kelebihan di dalam meramal dan mencadangkan kaedah pengajaran bahasa asing tetapi beberapa orang ahli linguistik terapan seperti Corder (1967), Cartford (1968) dan Wardhaugh (1970) telah membuat kritikan terhadap keupayaan dan kemampuan kuasa ramalan AK di dalam pengajaran bahasa sasaran. Contohnya, Corder (1967) mengkritik AK dengan pendapat berikut:

*“Teachers have not always been very impressed by this contribution from the linguist for the reason that their practical experience has usually already shown them where these difficulties lie and they have not felt that the contribution of the linguist has provided them with any significantly new information.”*

(Guru tidak selalunya berpuas hati dengan sumbangan daripada ahli bahasa dengan alasan pengalaman mereka secara pratikal biasanya telah menunjukkan kepada mereka di mana terdapatnya kesulitan-kesulitan ini

dan mereka tidak merasakan bahawa sumbangan ahli bahasa telah menyediakan mereka dengan maklumat baru yang berguna.)

(Corder, 1967:162)

Cartford (1968) melihat fungsi AK lebih kepada penjelasan daripada ramalan dan ianya bermanfaat sebagai alat untuk memahami mengapa sesuatu kesilapan dilakukan oleh pelajar. Beliau juga menegaskan bahawa masalah-masalah yang melibatkan nahu adalah paling baik dikenal pasti melalui AS daripada diramalkan melalui AK. AK juga dikatakan selalunya hanya separa (*partial*) yang bermaksud AK selalunya hanya boleh dijalankan ke atas aspek-aspek tertentu sahaja yang dirasakan menjadi kesulitan yang besar kepada pelajar. Pendapat beliau dapat dilihat dalam petikan berikut :

*“I have suggested above that the chief function of Contrastive Analysis is explanation rather than prediction: problem areas in grammar, for instance, can best be identified by error-analysis rather than predicted by Contrastive Analysis. This implies that Contrastive Analysis can often be ‘partial’. That is to say, in place of juxtaposing ‘total’ grammatical or lexical descriptions of two languages and then scanning them for areas of difference, one can be selective and perform contrastive analyses only for those parts of the grammar which present greatest difficulty to learners.”*

(Saya telah mencadangkan di atas bahawa fungsi utama Analisis Kontrastif adalah lebih kepada huraian daripada ramalan; masalah di dalam nahu, contohnya, dapat dikenal pasti dengan lebih baik melalui analisis kesilapan daripada diramalkan oleh Analisis Kontrastif. Ini bermakna bahawa Analisis Kontrastif selalunya boleh menjadi “separa”. Ini bermaksud, di dalam menyenaraikan secara menyeluruh huraian nahu

atau leksikal dua bahasa dan kemudian membuat imbasan untuk mencari perbezaan-perbezaan, seseorang boleh menjadi pemilih dan melakukan analisis kontrastif hanya kepada bahagian-bahagian nahu yang menunjukkan kesulitan yang besar kepada pelajar-pelajar.)

(Cartford, 1968:163)

Wardhaugh (1970: 125) membuat kritikan yang agak keras ke atas AK dengan mengatakan bahawa hipotesis AK telah gagal membuktikan kejayaannya di dalam pengajaran dan penyediaan bahan pengajaran bahasa kedua. Ini dapat dilihat dalam petikan berikut :

*“The contrastive analysis hypothesis has not proved to be workable, at least not in the strong version in which it was originally expressed. This version can work only for one who is prepared to be quite naive in linguistic matters.”*

(Hipotesis analisis kontrastif telah dibuktikan tidak berjaya, sekurang-kurangnya tidak di dalam versi kuat di mana ianya mula dicetuskan. Versi ini hanya boleh berjaya kepada orang yang bersedia untuk menjadi agak naif dalam hal-hal yang berkaitan dengan linguistik.)

Mereka berpendapat bahawa AK hanya memberi tumpuan kepada satu aspek sahaja iaitu pengajaran dan mengabaikan aspek pembelajaran bahasa. Kritikan-kritikan tersebut akhirnya telah membawa kepada pengenalan kepada satu lagi kaedah kajian pemerolehan bahasa, iaitu kajian Analisis Kesilapan.

### **2.3. KERANGKA TEORETIKAL ANALISIS KESILAPAN**

Johnson (2001:63) mengatakan bahawa teori pembelajaran behavioris telah membawa kepada kelahiran AK, dan kritikan Chomsky ke atas fahaman behavioris ini dianggap telah menyebabkan AK hilang sementara daripada bidang kajian pemerolehan bahasa. Kritikan daripada ahli-ahli linguistik aliran mentalis, seterusnya telah melahirkan pula kajian Analisis Kesilapan (AS) yang merupakan AK versi lemah. Ia dikatakan sebagai versi lemah kerana golongan mentalis tidak menolak terus peranan yang dimainkan oleh AK di dalam proses pembelajaran bahasa sasaran tetapi mereka tidak bersetuju bahawa kuasa ramalan yang menjadi pegangan AK mencukupi di dalam melihat masalah sebenar yang timbul di dalam pembelajaran bahasa sasaran.

Kajian AS mula timbul pada akhir tahun 1960-an hasil daripada kritikan terhadap kelemahan kajian AK. Corder (1967) salah seorang ahli linguistik yang mempopularkan kajian AS telah membuat anjakan paradigma dalam kajian pemerolehan bahasa. Dalam kajian AK, tujuan kajian adalah untuk memperbaiki proses pengajaran bahasa sasaran, tetapi dalam AS, Corder mencadangkan supaya kajian perlu ditekankan kepada proses pembelajaran.

Menurut Corder (1967), proses pemerolehan bahasa kedua atau bahasa asing adalah sama seperti proses pemerolehan bahasa pertama oleh kanak-kanak walaupun motivasi untuk mempelajari bahasa tersebut adalah berbeza. Sesuatu bahasa dapat dikuasai setelah berlaku proses percubaan. Kesilapan di dalam penggunaan bahasa sasaran merupakan satu fenomena biasa di dalam proses pemerolehan bahasa sasaran oleh seseorang pelajar. Beliau menyatakan bahawa pelajar menggunakan sistem tertentu di dalam proses pemerolehan

bahasa (Corder 1967: 166). Kesilapan yang dilakukan oleh seseorang pelajar merupakan bukti wujudnya sistem ini dan ianya adalah sistematik.

Corder (1983:163-164) mengatakan bahawa terdapat dua aliran pendapat yang berkaitan dengan kesilapan. Aliran pertama menganggap bahawa sekiranya kita ingin mencapai teknik pengajaran yang sempurna, kesilapan tidak seharusnya berlaku. Bagi golongan yang berpegang kepada aliran ini kesilapan yang dilakukan oleh pelajar apabila mempelajari bahasa sasaran menunjukkan bahawa terdapat kekurangan di dalam teknik pengajaran. Aliran yang kedua pula berpegang kepada prinsip bahawa kita hidup di dalam dunia yang tidak sempurna, oleh itu kesilapan adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Pengkaji bersetuju dengan aliran yang kedua ini. Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar adalah merupakan fenomena biasa yang berlaku apabila sesuatu ilmu atau kemahiran baru cuba dikuasai oleh seseorang individu. Kesilapan tidak seharusnya dilihat sebagai suatu unsur yang mematikan semangat dan motivasi seseorang untuk mempelajari atau menguasai sesuatu ilmu.

Kajian AS sistem bunyi BM dan BP ini akan mengkaji kesilapan sebagai salah satu kaedah untuk memahami proses pembelajaran BP oleh pelajar-pelajar Melayu. Setelah punca masalah dikenal pasti, maka kesilapan akan dapat diperbaiki. Kekerapan kesilapan yang dilakukan dalam sesuatu aspek bahasa dapat memperlihatkan darjah kesulitan yang dihadapi oleh mereka. Sekiranya kekerapan kesilapan adalah tinggi maka aspek tersebut dikatakan menimbulkan masalah yang besar di dalam proses pembelajaran bahasa sasaran dan perlu diberi perhatian di dalam pengajarannya. Kesilapan juga dianggap sebagai bukti adanya perkembangan dalam proses pemerolehan bahasa seseorang individu (Ellis 1994:19).

Kajian AS ini juga akan cuba melihat apakah strategi yang digunakan oleh pelajar untuk menyelesaikan masalah di dalam pembelajaran mereka. Ini menunjukkan bahawa AS mempunyai dua peranan dalam kajian pemerolehan bahasa, iaitu sebagai satu alat yang menyediakan maklumat tentang proses pemerolehan atau strategi pembelajaran bahasa sasaran dan juga sebagai kaedah untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut. Kesilapan dikatakan dapat menunjukkan strategi yang digunakan oleh pelajar di dalam pembelajaran bahasa sasaran dan juga menunjukkan cara yang digunakan di dalam membina kemahiran bahasa sasarannya (Boyer, Butzbach dan Pendax 1990: 215, Matthey 2003:17, Hammarberg, 1979:109).

Golongan sarjana yang menyokong AS melihat bahawa kesilapan yang dilakukan oleh seseorang di dalam proses pembelajaran bahasa sasaran memberi maklumat yang berguna di dalam menghuraikan mengapa sesuatu kesilapan dilakukan oleh pelajar. Dalam kajian AS sistem bunyi BP, kesilapan yang dilakukan oleh pelajar di dalam menghasilkan bunyi-bunyi BP dikaji untuk melihat masalah sebenar yang dihadapi oleh pelajar di dalam pembelajaran bahasa sasaran kerana kesilapan dikatakan boleh berpunca daripada sistem bahasa sasaran itu sendiri (Gass & Selinker 2008:102).

AS dilihat oleh Spolsky (1998:119) lebih berorientasikan kepada proses yang berlaku di dalam pemerolehan bahasa sasaran. Sharwood (1994:25) dan Gass & Selinker (2008:102), pula melihat kesilapan sebagai cerminan kepada percubaan pelajar untuk memberi makna kepada input yang diterima mengikut cara mereka sendiri. Golongan AS berpendapat bahawa AK dapat membantu mengenal pasti dan menjelaskan sesetengah daripada kesilapan yang dilakukan oleh pelajar di dalam proses pembelajaran mereka tetapi bukan semua kesilapan berpunca daripada perbezaan yang terdapat antara kedua-dua

bahasa yang dibandingkan. Menurut golongan mentalis, késilapan juga boleh berpunca daripada bahasa pertama pelajar sendiri.

Hammarberg (1979:108) mendefinisikan AS sebagai kajian yang menghuraikan semua jenis késilapan linguistik dalam penggunaan bahasa asing sama ada késilapan yang datang dari pengaruh antara bahasa tersebut (*interlingual*) atau pun datang dari dalam bahasa itu sendiri (*intralingual*). James (1998: 1) pula telah mendefinisikan AS sebagai “...*the process of determining the incidence, nature, causes and consequences of unsuccessful language.*” (...proses yang menentukan kejadian, sebab dan akibat daripada bahasa yang tidak berjaya.) Késilapan didefinisikan oleh George (1983: 158) sebagai bentuk yang tidak dikehendaki (“*an unwanted form*”).

Richards (1971) membahagikan késilapan kepada tiga jenis iaitu (1) késilapan gangguan, (2) késilapan dalam bahasa (*intralingual*) dan (3) késilapan “developmental”. Késilapan gangguan merupakan késilapan yang berpunca dari pengaruh bahasa ibunda pelajar ke atas penghasilan bahasa sasaran. Késilapan dalam bahasa (*intralingual*) pula adalah késilapan yang datang daripada dalam struktur bahasa pertama sendiri. Manakala késilapan *developmental* pula mencerminkan pembinaan sistem dan konsep yang salah oleh pelajar di dalam mempelajari bahasa sasaran. Késilapan ini dapat dilihat daripada strategi yang digunakan oleh pelajar untuk menguasai bahasa sasaran. Ini menunjukkan bahawa pelajar membuat hipotesis yang salah tentang bahasa sasaran akibat kurang pemahaman tentang sistem bahasa tersebut. Kesemua jenis késilapan ini, menurutnya, dapat dijadikan panduan untuk menilai bahan pengajaran, teknik dan juga prosedur pengajaran bahasa sasaran (Richards, 1971:214).

George (dalam Robinett & Schachter 1983:159) dan Hayati (1997) pula mengaitkan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar di dalam memperoleh sesuatu bahasa dengan proses yang berlaku di dalam ‘kotak hitam’ (*black box*). Kotak hitam menerima maklumat (*input*) dan memproses maklumat di dalamnya dan membuat pemilihan maklumat yang akan dikeluarkan (*output*) berdasarkan maklumat yang dimasukkan (*input*) ke dalamnya. Menurutnya lagi, kotak hitam guru mengeluarkan output dalam bentuk kursus bahasa dan input ini diterima oleh pelajar bahasa dan diproses di dalam kotak hitam dan seterusnya pelajar mengeluarkan outputnya dalam bentuk penghasilan bahasa. Output yang dikeluarkan oleh kotak hitam pelajar akan memberi maklumat kepada guru untuk membantu pelajar memperbaiki atau membetulkan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Ini bermakna output dari satu pihak boleh menjadi input kepada pihak yang lain dan proses ini dikatakan saling berkaitan dan saling bertindak balas. Kesilapan yang dilihat oleh George sebagai ‘bentuk yang tidak dikehendaki’ dapat memberi input kepada penyusun sukatan pelajaran di dalam membuat pemilihan dan pengubahsuaian kepada bahan pengajaran yang disediakan.

#### **2.4. KEPENTINGAN ANALISIS KONTRASTIF DAN ANALISIS KESILAPAN**

Kebanyakan ahli linguistik bersetuju bahawa AK dan AS adalah bidang kajian yang saling berkaitan dan saling melengkapi. Dapatan dari kajian AK dapat memberi input kepada kajian AS apakah perkara yang boleh menimbulkan masalah kepada pelajar dan pada masa yang sama dapatan daripada AK dapat disahkan oleh kajian AS.

James (1994:196) telah membuat satu kenyataan yang tegas berhubung dengan kajian AK dan AS. Beliau melihat kajian AK dan AS sebagai “...*vital components of the*



*applied linguistics and language teaching enterprise.*” (...komponen penting yang menentukan kejayaan dan kesinambungan bidang linguistik terapan dan pengajaran bahasa.) Menurutnya, kajian AK dan AS tidak boleh disamakan dengan “dodo” (sejenis burung yang terdapat di Mauritius yang telah pupus). Kedua-dua bidang AK dan AS perlu terus dijalankan kerana kedua-dua memberi faedah dan manfaat yang sangat berguna kepada semua pihak yang terlibat dengan bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing.

Walaupun AK ke atas bahasa pertama dan bahasa sasaran berupaya meramal masalah yang mungkin timbul di dalam pembelajaran bahasa sasaran tetapi ianya tidak mencukupi bagi menunjukkan bahawa perbezaan yang terdapat antara bahasa pertama dan bahasa sasaran benar-benar menjadi masalah kepada pembelajaran bahasa sasaran. Kadang-kadang perbezaan yang terdapat antara dua bahasa tersebut mungkin tidak menimbulkan masalah di dalam pembelajaran sebaliknya struktur yang sama antara kedua-duanya yang lebih menimbulkan kesukaran kepada pelajar. Oleh itu penulis berpendapat bahawa AS wajar dijalankan bersama dengan AK bagi membuktikan sama ada hanya struktur yang berbeza sahaja yang menjadi kesukaran di dalam pembelajaran atau pun terdapat perkara-perkara lain yang turut menjadi masalah kepada pelajar.

Selain itu, kajian AK dan AS perlu terus dijalankan kerana sumbangan besar yang telah dibuktikan dalam kajian pemerolehan bahasa seperti pendapat Johnson (2001:63) bahawa walaupun terdapat kritikan terhadap AK, tetapi ianya tidak memamatkan terus kajian ini di dalam bidang linguistik terapan. Kajian di dalam bidang ini masih lagi menarik minat ahli-ahli linguistik walaupun sesetengahnya tidak lagi menggunakan kerangka behavioris

yang asli. Beliau juga berpendapat bahawa adalah menjadi satu kesilapan besar sekiranya kajian AK terus hilang daripada bidang pemerolehan bahasa.

Hayati (2005:147) juga melihat bahawa AK sebagai salah satu cabang linguistik yang telah dan masih menjadi asas yang boleh dipercayai di dalam menjadi alat bagi mengenalpasti masalah di dalam pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing walaupun AK telah mendapat kritikan daripada banyak pihak.

## **2.5. KESIMPULAN**

Kerangka teoretikal AK yang dipelopori oleh Fries dan kemudiannya dikembangkan oleh Lado yang dikaitkan dengan tujuan pedagogi dipilih untuk diterapkan dalam kajian ini kerana penulis melihat kepentingan kajian ini kepada aspek pengajaran dan pembelajaran. Penulis berpendapat bahawa perbandingan yang dibuat antara sistem bunyi BM dan BP dapat membantu mengenalpasti masalah di dalam proses pengajaran BP kepada pelajar Melayu. Selain itu, penulis memilih untuk membuat huraian sistem bunyi antara BM dan BP mengikut kerangka struktural kerana ianya akan memudahkan perbandingan dibuat antara kedua-dua sistem dan juga dapat memperlihatkan persamaan dan perbezaan dengan lebih jelas berbanding dengan kaedah transformasi generatif yang melihat sistem bahasa dari aspek dalaman dan luaran yang berasaskan kepada pendapat bahawa terdapat satu sistem bahasa yang universal yang menjadi dasar kepada semua bahasa.

Selain daripada kajian AK, kajian AS juga akan dijalankan bersama bagi mendapatkan input masalah sebenar yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Melayu apabila mempelajari sistem bunyi BP. Dapatan kajian AS dapat dijadikan sebagai panduan tentang

kaedah yang sesuai digunakan di dalam pengajaran sistem bunyi tersebut. Kedua-dua kajian ini penting dijalankan bersama kerana kedua-duanya berupaya memberi input berguna berkaitan dengan pembelajaran dan juga pengajaran sistem bahasa yang dikaji.